



ARAHAN TETAP PENGARAH JAIS PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 3 TAHUN 2018


CUTI PERISTIWA KHAS SEKOLAH PADA 9 MEI 2018 BAGI PELAKSANAAN PILIHANRAYA UMUM KE-14

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengambil maklum akan pengumuman Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada 10 April 2018 yang telah menetapkan tarikh pelaksanaan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU) bagi negara Malaysia adalah pada 9 Mei 2018 (Rabu). Manakala tarikh penamaan calon adalah pada 28 April 2018 (Sabtu).

Memandangkan tarikh pelaksanaan Pilihan Raya Umum ke 14 (PRU) tersebut merupakan hari persekolahan, maka JAIS telah memutuskan untuk memberi **Cuti Peristiwa Khas kepada semua Sekolah Agama JAIS pada 9 Mei 2018 (Rabu)**. Hal ini adalah kerana sebahagian besar Sekolah Agama JAIS dijadikan pusat mengundi bagi PRU-14 tersebut. Selain itu ia dapat memberi ruang kepada pihak SPR melaksanakan proses pilihanraya dengan lancar tanpa terganggu dengan sesi persekolahan. Dengan keputusan ini, JAIS juga ingin memaklumkan bahawa;

1. Cuti Peristiwa Khas ini hendaklah tidak melibatkan penutupan asrama murid bagi sekolah-sekolah yang ada asrama.
2. Bagi sekolah-sekolah yang dijadikan sebagai pusat mengundi untuk PRU-14 ini dan melaksanakan persekolahan secara dua sesi, maka sesi petang pada 8 Mei 2018 (Selasa) hendaklah ditangguhkan untuk tujuan persiapan PRU-14 tersebut oleh pihak SPR.
3. Semua sekolah yang dijadikan sebagai pusat mengundi untuk PRU-14 juga hendaklah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak SPR dalam pelaksanaan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) ini.

Terima kasih.


DATO' HAJI HARIS BIN KASIM D.P.M.S.,S.I.S.,A.S.A.,P.P.T
PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

13 April 2018